

**Hubungan Antara Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar
Program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) Dan Sarjana
Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik) Di
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia**

Zainudin Abu Bakar & Fazilah Binti Tumin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara minat pelajar dan sikap ibu bapa dengan prestasi matematik terbaik pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 109 pelajar terlibat dalam kajian ini yang terdiri dari kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Kimia), Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Fizik) dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik). Set soal selidik digunakan dalam kajian ini. Data diproses dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, peratusan dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap mata pelajaran matematik adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan sebanyak 4.38. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hubungan antara minat pelajar dan sikap ibu bapa berada pada paras sederhana ($r = 0.464$). Manakala analisis hubungan antara minat pelajar dan prestasi matematik terbaik pelajar ($r = -0.204$) dan sikap ibu bapa dengan prestasi matematik terbaik pelajar ($r = -0.122$) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa prestasi pelajar dipengaruhi oleh factor selain dari minat dan sikap ibu bapa. Beberapa cadangan juga dikemukakan dalam kajian ini.

Abstract: The aim of this study is to determine the relationship between the student's interest and parent's attitude with achievement in mathematics subjects among the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. A total of 109 respondents from Bachelor of Science and Mathematics in Education (Mathematics/Chemistry), Bachelor of Science and Mathematics in Education (Mathematics/Physics) and Bachelor of Science and Computer in Education (Mathematics) are involved in this study. Questionnaire is used to collect the data. Descriptive data analysis including mean, percentage and correlation is used in order to answer the research question. The research shows that the students interest on mathematics is high ($\bar{x} = 4.38$). The research also shows that the correlation between students interest and parent's attitude is moderate ($r = 0.464$). However, analysis of correlation does not show that the student interests have a significant relationship with their mathematics achievement ($r = -0.204$). The same result also appears in the analysis between the parent's attitude and the student's achievement ($r = -0.122$). This indicates that the students achievement is probably influenced by others factors. Some suggestions and recommendations are also discussed in this research.

Katakunci: minat Pelajar, sikap ibu bapa, prestasi matematik

Pengenalan

Dalam menentukan kehidupan yang lebih baik di masa hadapan, prestasi akademik seseorang pelajar memainkan peranan yang penting dan seterusnya dapat memperbaiki dan meningkatkan taraf sosioekonomi seseorang. Mengikut Jasbir (1976), taraf pendidikan yang tinggi sering dikaitkan dengan pekerjaan, pendapatan dan kedudukan sosial yang lebih baik. Selain itu, persekitaran keluarga dan tempat tinggal, sistem penjadualan dan ulangkaji, masalah sosioekonomi keluarga, kualiti pemakanan, kualiti guru, budaya kerja, pengajaran-pembelajaran dan kekuatan dalaman merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik di kalangan pelajar (Ibrahim, 1990).

Pernyataan Masalah

Kajian ini cuba untuk melihat punca kelemahan pelajar dengan memfokuskan kepada minat pelajar dan sikap ibu bapa terhadap prestasi matematik terbaik pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Aspek yang dikaji adalah untuk melihat hubungan antara minat pelajar dan sikap ibu bapa dengan prestasi matematik terbaik pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Kimia), Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Fizik) dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik), di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan di atas, secara spesifik objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap minat pelajar Pendidikan Matematik Tahun 1, 2, 3 dan 4 terhadap mata pelajaran matematik.
2. Mengetahui hubungan antara minat pelajar dengan sikap ibu bapa.
3. Mengetahui hubungan antara minat pelajar dengan prestasi mata pelajaran matematik terbaik pelajar.
4. Mengetahui hubungan antara sikap ibu bapa dengan prestasi mata pelajaran matematik terbaik pelajar.

Kepentingan Kajian

Prestasi akademik pelajar sangat penting dalam menentukan kerjaya mereka di masa hadapan. Masalah pengangguran atau kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan dikalangan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah boleh menyebabkan keciciran dan ini meningkatkan lagi jumlah rakyat Malaysia yang menganggur. Ini akan menggambarkan sistem pendidikan di IPTA atau IPTS kurang berjaya dari segi pelaksanaan dan fungsinya.

Pada kebiasaannya, sikap yang positif akan menghasilkan motivasi yang tinggi kepada seseorang pelajar. Sikap yang membina, galakan yang berterusan daripada keluarga dan motivasi yang pelbagai di zaman kanak-kanak adalah sangat penting dan berguna dalam perkembangan remaja pada masa hadapan. Jelas, bahawa ibu bapa perlu sedar tanggungjawab mereka dalam membesarkan anak-anak mereka dari bayi hingga dewasa.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada ibu bapa supaya sedar bahawa sikap dan motivasi yang ditunjukkan kepada anak-anak mereka adalah sesuatu yang penting. Mereka seharusnya lebih peka bukan sahaja terhadap perkembangan fizikal dan mental, tetapi juga perkembangan jiwa dan emosi anak-anak. Ibu bapa adalah orang yang paling berpengaruh dalam pembentukan konsep sendiri dan personaliti anak-anak. Hanya dengan didikan yang sempurna daripada ibu bapa, anak-anak berjaya membentuk personaliti mereka dengan lebih kreatif. Tambahan lagi, anak-anak yang lebih stabil jiwa dan emosinya akan lebih yakin dan tabah menghadapi cabaran hidup dan seterusnya Berjaya mempertingkatkan prestasi mereka dalam segala bidang yang diceburi.

Kajian ini dapat menyedarkan ibu bapa pelajar bahawa anak mereka perlu diberi didikan yang sempurna. Selain itu, diharapkan semoga kajian ini dapat mengalakkan ibu bapa semoga dapat meningkatkan hubungan mereka dengan pihak university terutamanya Penasihat Akademik pelajar agar prestasi pelajaran anak-anak mereka berjaya dipantau dari semasa ke semasa dan diharapkan semua golongan ibu

bapa dapat meningkatkan kemahiran asas dalam usaha untuk membimbing anak mereka terus berjaya di masa hadapan.

Hasil daripada kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam pendidikan dan juga kepada para pengkaji pada masa hadapan. Selain itu, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai sumbangan yang bernilai kepada pendidikan Negara. Kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan oleh mana-mana pihak yang berusaha meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar dari semasa ke semasa.

Bagi pelajar-pelajar yang berusaha meningkatkan prestasi akademik mereka dari semasa ke semasa, diharapkan kajian ini dijadikan panduan dalam mengenalpasti faktor-faktor yang boleh menyumbangkan kepada peningkatan prestasi akademik mereka. Selain itu, sebagai seorang pelajar mereka seharusnya mencari punca-punca sebenar kemerosotan prestasi akademik agar langkah yang sewajarnya dapat diambil untuk mempertingkatkan prestasi mereka.

Keputusan dan rumusan yang diperolehi daripada kajian ini juga diharap mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak-pihak yang terlibat seperti pihak pengurusan akademik Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam membantu pelajar-pelajar khususnya dalam aspek pendidikan serta dapat membina imej-imej baru terhadap sistem pendidikan di universiti.

Diharapkan, semoga pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dapat menyediakan segala keperluan pelajar-pelajar bagi menarik minat mereka untuk menguasai dan mendalami ilmu matematik dengan lebih berkesan. Pembaharuan adalah perlu agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Segala tindakan yang diambil oleh pihak universiti mampu melahirkan lebih ramai graduan yang gemilang, terbilang dan berkualiti dari segala aspek.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di dalam bangunan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia ke atas pelajar program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Kimia), Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Fizik) dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik). Saiz sampel yang dikaji ini agak terhad kepada pelajar yang mengambil program Pendidikan Matematik sahaja dan tidak dapat menggambarkan keseluruhan pelajar di Fakulti Pendidikan. Pengkaji berminat memilih responden yang terdiri daripada pelajar Fakulti

Pendidikan yang mempelajari matematik sebagai mata pelajaran utama kerana masih terdapat banyak kekurangan dari segi prestasi akademik pelajar terhadap mata pelajaran matematik dan ini memerlukan tindakan yang pantas bagi meningkatkan kembali tahap kecemerlangan mereka. Ini membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian iaitu mengkaji hubungan antara minat pelajar dan sikap ibu bapa dengan prestasi matematik terbaik pelajar.

Dari segi prestasi akademik, hanya mata pelajaran matematik terbaik sahaja yang digunakan untuk menilai prestasi akademik pelajar. Mata pelajaran pendidikan dan kokurikulum tidak termasuk dalam kajian ini memandangkan pengkaji hanya menumpukan kepada prestasi matematik terbaik pelajar dalam konteks hubungan antara minat pelajar dan sikap ibu bapa. Kemungkinan ada pelajar yang mendapat keputusan prestasi akademiknya lebih cemerlang dalam mata pelajaran pendidikan seperti Psikologi Pendidikan tetapi tidak dinilai dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan soal selidik di mana bilangan sampel yang terlibat hanya 109 orang pelajar sahaja dikalangan pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 program Pendidikan Matematik. Kajian ini terbatas pada minat pelajar dan sikap ibu bapa terhadap prestasi matematik terbaik pelajar.

Metodologi

Tempat dan Responden Kajian

Lokasi kajian yang dipilih oleh penyelidik ialah di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang terletak di negeri Johor Darul Takzim. Pemilihan kumpulan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia adalah berdasarkan kesukaran yang dihadapi oleh penyelidik seperti masa, kewangan dan lain-lain kesukaran. Rasional memilih pelajar yang mempelajari mata pelajaran matematik sebagai mata pelajaran utama adalah kerana didapati prestasi akademik pelajar-pelajar terhadap subjek matematik adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Sebanyak 130 set soal selidik diedarkan kepada pelajar tetapi hanya sebanyak 109 pelajar yang memberi kerjasama dalam kajian ini. Jenis persampelan dalam kajian ini ialah seluruh populasi dimana seluruh populasi adalah responden dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan data adalah dengan menggunakan set soal selidik. Selain itu, instrumen kajian digunakan untuk menguji sesuatu persoalan. Penyelidik menggunakan set soal selidik kerana ia bersesuaian dengan kaedah kajian disamping menjimatkan masa dan kos. Penyelidik menggunakan Bahasa Melayu untuk semua item dalam soal selidik tersebut.

Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas jawab iaitu soalan terbuka, senarai semak atau skala kadar (Mohamad Najib, 1999). Antara kebaikan set soal selidik adalah ia dapat merangkumi sampel yang ramai, lebih cepat dan sesuai untuk soalan-soalan yang sensitif.

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas adalah minat pelajar dan sikap ibu bapa atau penjaga. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah prestasi matematik terbaik pelajar. Item-item yang terdapat dalam set soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang sampel kajian. Terdapat 9 item dalam bahagian ini iaitu item yang terdiri daripada program, jantina, bangsa, agama, keputusan peperiksaan matematik terbaik yang diperolehi sampel di UTM, pekerjaan bapa atau ibu atau penjaga sampel, pendapatan ibu bapa sampel, bilangan adik beradik sampel dan tahap pendidikan ibu bapa sampel.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi dua puluh enam soalan yang merangkumi dua pemboleh ubah bebas iaitu minat pelajar dan sikap ibu bapa atau penjaga, manakala pemboleh ubah bersandar ialah prestasi matematik terbaik pelajar.

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden dalam Bahagian B di bahagikan kepada dua kategori berdasarkan kepada aspek yang ingin dikaji seperti di sebelah:

Jadual 1: Pembahagian Item Soalan Bahagian B

| Kategori | Item Positif |
|-----------------------------|---------------------|
| Minat | 13 |
| Sikap Ibu Bapa Atau Penjaga | 13 |
| Jumlah | 26 |

Kajian Rintis

Sebelum soal selidik ini digunakan dalam kajian sebenar, ia diuji kepercayaannya dalam satu kajian rintis. Menurut Mohamad Najib (1999), tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis ini telah dijalankan pada 24 Januari 2008 di Fakulti Pendidikan yang melibatkan 10 pelajar Tahun 2, program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia). Pengkaji menggunakan ujian Alpha Cronbach dalam Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Menurut Mohamad Najib (1999), pekali Alpha Cronbach untuk instrumen kajian diukur mengikut kriteria berikut:

Jadual 2: Pekali Alpha Cronbach

| Nilai Alpha | Kebolehpercayaan |
|--------------------|----------------------------------|
| 0.0 – 0.2 | Rendah (Ubah kesemua item) |
| 0.2 – 0.8 | Sederhana (Ubah sebilangan item) |
| 0.8 – 1.0 | Tinggi (Item boleh diterima) |

Sumber: Mohamad Najib, (1999)

Setelah melakukan ujian Alpha Cronbach, pekali Alpha Cronbach yang didapati adalah .89. Menurut Mahamad Najib (1999), sekiranya mendapati nilai koefisyen yang tinggi dalam sesuatu kajian iaitu .8 keatas, maka kebolehpercayaan adalah tinggi dalam kajian ini.

Keputusan

Analisis Min Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Atau Penjaga

Bagi mengetahui minat pelajar terhadap matematik dan sikap ibu bapa atau penjaga dengan prestasi matematik terbaik pelajar, pengkaji mencari min keseluruhanitem-item yang diuji. Secara keseluruhannya, purata min skor bagi setiap item minat sampel pelajar-pelajar ialah 4.38 iaitu berada pada peringkat tinggi. Ini menunjukkan minat pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 terhadap mata pelajaran matematik adalah tinggi. Nilai purata min skor minat bagi keseluruhan item disediakan dalam jadual berikutnya bersama dengan purata min skor keseluruhan bagi sikap ibu bapa atau penjaga.

Seterusnya, min keseluruhan bagi konstruk sikap ibu bapa atau penjaga yang diperoleh ialah tinggi iaitu 3.96. Ini menunjukkan sikap ibu bapa atau penjaga dengan mata pelajaran matematik pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 adalah tinggi. Nilai purata min skor sikap ibu bapa bagi keseluruhan item-item disediakan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Analisis Skor Min Keseluruhan Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Matematik

| Konstruk | Min |
|-----------------------------|------|
| Minat Pelajar | 4.38 |
| Sikap ibu bapa atau Penjaga | 3.96 |

Perbincangan

Minat Pelajar

Minat memainkan peranan yang penting bagi membantu seseorang pelajar mencapai kejayaan dalam dunia pendidikan. Minat yang wujud dalam diri seseorang pelajar akan mempengaruhi proses pembelajaran. Analisis konstruk minat pelajar diperolehi daripada analisis deskriptif dimana pengkaji mencari nilai peratus bagi setiap item soalan.

Dapatan kajian bagi item pertama ialah saya suka belajar matematik dalam konstruk minat yang menunjukkan responden berminat terhadap matematik. Ini dapat dilihat dengan merujuk kepada item pertama dalam konstruk minat pelajar dengan jumlah peratusan sebanyak 99.1% yang bersetuju. Dapatan ini selari dengan pendapat Aminuddin (2001) yang menyatakan bahawa:

“Kita hanya dapat mempelajari sesuatu dengan sempurna jika kita berminat mempelajarinya. Minat ini memberi daya rangsangan dan daya rangsangan inilah yang dinamakan motivasi”.

Item kedua ialah saya mengambil bahagian yang aktif dalam segala aktiviti pembelajaran matematik sejak di bangku sekolah lagi dan paratus responden yang bersetuju dengan item ini adalah sebanyak 87.2%. Ini menunjukkan responden berminat dalam pembelajaran matematik. Dapatan ini selari dengan pendapat Meor Ibrahim (2001) yang menyatakan bahawa tumpuan, minat dan penglibatan pelajar hendaklah dikekalkan oleh guru di sepanjang pengajaran. Dengan cara ini, pelajar-pelajar akan melibatkan diri semasa pembelajaran matematik.

Item ketiga ialah belajar matematik amat menyeronokkan dan peratusan responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 97.2% manakala hanya 2.8% sahaja responden yang masih tidak pasti sama ada belajar matematik amat menyeronokkan atau tidak. Bagi menarik minat pelajar dalam pembelajaran matematik, kita boleh mencontohi pendapat yang dinyatakan oleh Aminuddin dan Nasiruddin (2001) bahawa seorang pensyarah matematik sewajarnya bukan setakat seorang yang pakar dalam bidang matematik, tetapi juga seorang pensyarah yang baik dengan cara dan gaya penyampaian yang berkesan, mampu membina keseronokkan dalam diri pelajar dan pengajaran yang menarik.

Item keempat ialah mata pelajaran matematik amat penting dan berfaedah bagi saya dan peratusan responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 97.2% manakala hanya 2.8% sahaja responden yang memberikan jawapan tidak pasti bagi item ini. Jelas di sini menyatakan bahawa responden yang dikaji mempunyai kesedaran tentang kepentingan matematik. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pemikiran yang positif terhadap kepentingan matematik kepada mereka.

Item kelima ialah saya lebih menyukai matematik berbanding mata pelajaran lain dan peratusan responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 92.6%. Ini menunjukkan responden meminati mata pelajaran matematik walaupun terdapat 3.7% responden yang tidak pasti dan tidak setuju dengan item ini. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ng See Ngean (1984) yang mendapati

bahawa 21% daripada keseluruhan pelajar iaitu 1106 yang dikaji menyatakan bahawa di antara semua mata pelajaran yang diajar di sekolah, mereka amat suka mata pelajaran matematik. Ini menunjukkan bahawa dengan menyukai matematik, pelajar akan lebih berminat untuk mempelajari matematik dengan lebih baik.

Item keenam ialah saya sentiasa menyelesaikan tugas dan tutorial yang diberikan oleh pensyarah matematik dan peratus responden yang bersetuju ialah sebanyak 78.9%, tidak setuju hanya 3.7% dan tidak pasti 17.4%. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Abu Zahari (1988), yang menyatakan bahawa minat murid dalam mempelajari sesuatu adalah berbeza-beza. Jika pengajar dapat menimbulkan minat murid-murid dalam perkara yang diajarnya serta dapat menimbulkan minat mereka untuk membuat latihan dan menyelesaikan tugas, keadaan ini lebih menjamin dalam meningkatkan prestasi kemahiran murid-murid dalam perkara yang dipelajarinya.

Item ketujuh ialah saya banyak menekankan kepada mata pelajaran matematik di dalam jadual mengulangkaji dan peratus responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 82.6%, tidak pasti 11% dan tidak setuju hanya 6.4% sahaja. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa mata pelajaran matematik adalah penting dan perlu diberi perhatian dalam jadual mengulangkaji setiap pelajar.

Item kelapan ialah saya suka berbincang tentang masalah-masalah penyelesaian soalan matematik yang sukar dengan kawan-kawan dan bertanyakan pensyarah untuk mendapatkan penjelasan yang tepat. Majoriti responden bersetuju dengan item soalan ini dengan peratus sebanyak 87.2%, tidak pasti 10% dan tidak setuju hanya 2.8% sahaja. Dapatan ini disokong oleh Aminuddin dan Nasiruddin (2001) yang menyatakan bahawa bagi menarik minat pelajar dalam penyelesaian masalah matematik, pensyarah haruslah menunjukkan minat ke atas kerjayanya, ramah, mengalakkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pengajaran-pembelajaran, bersedia membantu masalah pelajar, berdisiplin dalam pengajaran dan mudah memberi pujian ke atas apa sahaja kejayaan-kejayaan kecil yang ditunjukkan oleh pelajarnya.

Item kesembilan ialah saya sanggup menghabiskan masa untuk membuat latihan matematik. Peratus responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 86.2%, tidak pasti 11% dan hanya 2.8% sahaja responden yang tidak bersetuju.

Item kesepuluh ialah saya bersaing dengan pelajar lain untuk mencapai prestasi yang baik dalam mata pelajaran matematik. Peratus responden yang bersetuju ialah sebanyak 84.4%, tidak pasti 11.9% dan tidak setuju sebanyak 3.7%. Ini menunjukkan bahawa bagi mencapai prestasi yang cemerlang, pelajar akan bersaing dengan rakannya. Dapatan ini disokong oleh Wan Melor (1991), yang menyatakan bahawa rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap matematik. Ini jelas diperhatikan apabila seseorang pelajar mendapat markah yang lebih tinggi maka rakan yang lain akan merasa iri hati dan timbul satu perasaan untuk menyaingi prestasi rakannya.

Seterusnya, item kesebelas ialah mengulangkaji sebelum menduduki peperiksaan akan membantu saya dalam mata pelajaran matematik. Bagi item ini hanya 0.9% responden sahaja yang tidak pasti manakala selebihnya iaitu 99.1% responden yang bersetuju dengan item ini. Jelas menunjukkan bahawa dengan mengulangkaji dapat memantapkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik matematik yang dipelajari. Dapatan ini disokong oleh Sulaiman (1996), yang menyatakan bahawa, untuk mendapatkan kecemerlangan akademik, setiap pelajar haruslah rajin mengulangkaji pelajaran mereka. Sikap malas untuk belajar dikalangan pelajar menghalang mereka daripada memperolehi kejayaan yang cemerlang.

Item keduabelas ialah usaha gigih dapat mengatasi segala rintangan semasa pembelajaran matematik. Majoriti responden bersetuju dengan item ini dengan peratus sebanyak 94.5% manakala selebihnya ialah 4.6% tidak pasti dan hanya 0.9% sahaja yang tidak setuju. Kebanyakan responden bersetuju dengan item

ini kerana mereka mungkin percaya bahawa dengan usaha yang gigih maka kejayaan pasti akan mereka perolehi.

Item yang terakhir dalam konstruk minat pelajar ialah rasa minat terhadap matematik adalah faktor yang penting bagi saya. Item ini juga mencatatkan peratus yang tinggi bagi responden yang bersetuju iaitu 96.4% diikuti dengan tidak setuju dan tidak pasti yang sama peratusnya iaitu 1.8% sahaja.

Sikap Ibu Bapa Atau Penjaga

Pendidikan dan kesedaran yang timbul dalam diri ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran dan mendapat kerjaya yang lebih baik akan menyebabkan minat pelajar untuk belajar semakin meningkat. Hubungan dan dorongan yang dipupuk setiap hari akan mengembangkan potensi kerjaya anak-anak. Oleh itu, dorongan dan nasihat ibu bapa atau penjaga supaya anak-anak mereka mengikut jejak langkah orang-orang yang telah berjaya merupakan saranan yang dapat mempengaruhi pelajar dalam mengembangkan potensi diri di masa hadapan. Maka, analisis konstruk sikap ibu bapa atau penjaga diperolehi daripada analisis deskriptif dimana pengkaji mencari nilai peratus bagi setiap item soalan.

Item sikap ibu bapa atau penjaga yang pertama ialah ibu bapa atau penjaga saya selalu mengambil berat tentang bahan-bahan rujukan saya seperti membeli buku tambahan dan barang-barang keperluan peralatan saya di universiti. Daripada item ini, peratus responden yang bersetuju ialah sebanyak 78% diikuti dengan tidak bersetuju 12.8% dan tidak pasti 9.2%. Dapatan ini disokong oleh Mok Soon Sang (1999) yang menyatakan bahawa anak-anak yang dibekalkan dengan pelbagai kemudahan seperti tempat belajar yang seronok, buku-buku rujukan yang mencukupi, kelas tambahan dan sebagainya dapat membantu mereka supaya memperoleh prestasi yang cemerlang di sekolah. Jelas bahawa sikap ibu bapa atau penjaga mempengaruhi prestasi pelajar.

Item kedua ialah walaupun sibuk, ibu bapa atau penjaga saya selalu melapangkan masa untuk bertanya tentang kegiatan yang dilakukan oleh saya di universiti. Bagi item ini, majoriti responden bersetuju dengan peratus sebanyak 77.7%, diikuti dengan responden yang tidak pasti iaitu 13.8% dan hanya 8.2% sahaja responden yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ibu bapa yang masih tidak prihatin terhadap pendidikan anak-anak mereka. Dapatan kajian ini selari dengan Asmawati (1996) yang menyatakan bahawa kini keperihatinan ibu bapa semakin pudar disebabkan terlalu sibuk dengan kerjaya atau pekerjaan masing-masing sehingga tidak menyedari bahawa anak mereka memerlukan perhatian yang secukupnya.

Item ketiga ialah ibu bapa atau penjaga sering memberitahu saya bahawa harta yang paling berharga ialah ilmu. Peratus responden yang bersetuju dengan item ini adalah tinggi iaitu 85.3% jika dibandingkan dengan 11% tidak pasti dan hanya 3.7% responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Jelas menunjukkan bahawa wujud kesedaran dalam diri ibu bapa pada masa kini tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan anak-anak mereka.

Item keempat ialah kemudahan peralatan belajar seperti meja, kerusi serta almari buku dan pakaian disediakan di rumah dan responden yang bersetuju dengan item ini ialah sebanyak 90.8% manakala responden yang tidak pasti 2.8% dan tidak bersetuju hanya 6.4% sahaja. Jelas menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa ibu bapa mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap keperluan pembelajaran di rumah.

Item kelima ialah ibu bapa atau penjaga saya akan meluangkan masa untuk melihat keputusan peperiksaan matematik saya. Bagi item ini 82.5% responden yang bersetuju, 11.9% tidak pasti dan 5.6% yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan masih terdapat ibu bapa atau penjaga yang tidak mengambil berat

akan keputusan peperiksaan anak-anak mereka di universiti. Dapatan kajian ini boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga responden di Bahagian A yang menunjukkan bahawa sebanyak 42 ibu bapa atau penjaga responden mempunyai pendidikan SPM dan STPM. Kajian ini disokong oleh Rumberger (1987) dalam kajian beliau yang menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai status akademik yang tinggi akan meluangkan masa dengan anak-anak dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan prestasi anak-anak mereka.

Item keenam ialah saya sering mendapat hadiah dan pujian daripada ibu bapa atau penjaga apabila prestasi akademik saya memuaskan. Majoriti responden bersetuju dengan item ini dengan jumlah sebanyak 70.6% diikuti oleh 15.6% yang tidak setuju dan 13.8% sahaja yang tidak pasti. Dapatan ini selari dengan pandangan Hassan (1996), yang menyatakan bahawa sokongan, dorongan dan keyakinan diri yang diberikan oleh keluarga akan menjadi suatu kekuatan dan motivasi bagi anak-anak untuk belajar. Maka, anak-anak akan lebih bersemangat untuk memperoleh keputusan yang lebih cemerlang lagi di masa hadapan.

Item ketujuh ialah ibu bapa atau penjaga sentiasa membimbing dan memberi galakan kepada saya untuk belajar matematik dan bagi item ini majoriti responden yang bersetuju iaitu sebanyak 89.9% berbanding dengan 7.4% yang tidak pasti dan hanya 2.7% sahaja yang tidak bersetuju. Dapatan ini disokong oleh Fraser (1959) yang menyatakan bahawa sikap ibu bapa yang positif terhadap pendidikan serta galakan yang diberikan terhadap pembelajaran anak-anak mereka akan meningkatkan lagi prestasi akademik, minat dan pencapaian. Jelas menunjukkan bahawa bimbingan dan dorongan daripada ibu bapa merupakan perkara yang utama dalam menentukan kejayaan anak-anak.

Item kelapan ialah ibu bapa atau penjaga sentiasa membantu saya dalam mata pelajaran matematik. Bagi item ini, sebanyak 65.2% item yang bersetuju, 22.8% tidak pasti dan hanya 17.2% sahaja item yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ibu bapa yang tidak mampu membantu pembelajaran anak-anak mereka. Ini mungkin disebabkan pembelajaran di peringkat universiti memerlukan aras pemahaman yang lebih tinggi dan menyebabkan ibu bapa atau penjaga tidak berkeupayaan membantu anak-anak dalam pembelajaran mereka.

Item kesembilan ialah ibu bapa atau penjaga saya lebih menekankan prestasi yang baik di dalam mata pelajaran matematik berbanding dengan mata pelajaran yang lain dan peratus responden yang bersetuju dengan item ini ialah 33%, tidak pasti 25.7% dan tidak bersetuju sebanyak 41.3%. Jelas menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju dengan item ini. Ini mungkin kerana ibu bapa mereka menekankan prestasi yang baik di dalam semua mata pelajaran yang dipelajari oleh anak-anak.

Item kesepuluh ialah ibu bapa atau penjaga memberitahu saya tentang kepentingan mata pelajaran matematik di dalam bidang kerjaya masa kini. Dapatan bagi item ini ialah 52.3% responden yang bersetuju, 28.4% tidak pasti dan 19.3% tidak bersetuju. Walaupun bilangan responden yang bersetuju hanya 52.3%, ini menyatakan bahawa ibu bapa masa kini masih perlu diberi pendedahan terhadap kepentingan dan kerjaya matematik pada masa kini.

Item kesebelas ialah ibu bapa atau penjaga saya berharap saya berjaya dan sering mengingatkan saya supaya belajar dengan tekun dan peratus responden yang bersetuju ialah 95.5%, 2.7% tidak pasti dan 1.8% sahaja yang tidak bersetuju. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Kamaliah (2001) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa ibu bapa merupakan pengaruh utama dalam pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa berharap anak-anak mereka berjaya, maka akan timbul kesedaran dalam diri anak-anak untuk memberi tumpuan terhadap pelajaran yang dipelajarinya.

Item keduabelas ialah sikap ibu bapa atau penjaga saya mempengaruhi pembelajaran saya di universiti. Dapatan bagi item ini ialah 80.8% yang bersetuju, 12.8% tidak pasti dan hanya 6.4% sahaja yang tidak

bersetuju. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Fraser (1959) yang menyatakan bahawa dalam menentukan kejayaan anak-anak dalam pendidikan, sikap ibu bapa menjadi pendorong anak-anak mereka mencapai kejayaan di masa hadapan.

Item yang terakhir ialah ibu bapa atau penjaga saya menggalakkan saya menyambung pengajian dalam mata pelajaran matematik ke peringkat yang lebih tinggi dan peratus responden yang bersetuju ialah sebanyak 78% diikuti dengan 14.7% tidak pasti dan 7.3% yang tidak bersetuju. Dapatan ini disokong oleh Noran Fauziah dan Ahmad (1991) yang menekankan bahawa sikap ibu bapa akan menjadi faktor yang menentukan sikap dan prestasi anak-anak di masa hadapan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, pengkaji ingin membuat rumusan bagi menjawab segala objektif dan persoalan seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Objektif yang pertama ialah mengenalpasti tahap minat pelajar Pendidikan Matematik Tahun 1, 2, 3 dan 4 terhadap mata pelajaran matematik. Dapatan kajian yang dilakukan menyatakan bahawa minat pelajar berada pada purata min skor 4.38 iaitu berada pada peringkat tinggi. Ini menunjukkan minat pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 terhadap mata pelajaran matematik adalah tinggi. Objektif kedua ialah mengetahui hubungan antara minat pelajar dengan sikap ibu bapa dan daripada analisis korelasi *Pearson* memberi nilai $r = 0.464$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan antara minat pelajar dengan sikap ibu bapa berada pada paras sederhana. Ini menunjukkan bahawa minat pelajar tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan sikap ibu bapa.

Objektif ketiga ialah untuk mengetahui hubungan antara minat pelajar dan prestasi matematik terbaik pelajar. Nilai r yang diperoleh dari analisis korelasi *Spearman* ialah -0.204 . Dapat dirumuskan bahawa wujud tahap hubungan yang negatif, lemah atau rendah antara minat pelajar dalam mata pelajaran matematik dengan prestasi matematik terbaik pelajar. Objektif yang terakhir dalam kajian ini ialah untuk mengetahui hubungan antara sikap ibu bapa dengan prestasi matematik terbaik pelajar. Nilai r yang diperoleh dari analisis korelasi *Spearman* ialah -0.122 yang menunjukkan bahawa wujud tahap hubungan yang negatif dan sangat lemah antara sikap ibu bapa atau penjaga dengan prestasi matematik terbaik pelajar. Jelas menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan antara sikap ibu bapa atau penjaga dengan prestasi matematik terbaik pelajar. Maka terjawablah semua objektif yang disenaraikan oleh pengkaji di awal perbincangan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Fatah Hassan (1992). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahman Md. Aroff & Zakaria Kasa (2002). *Falsafah Dan Konsep Pendidikan*. Edisi Kedua, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Abdul Razak Habib (1994). Keperluan Dan Masalah Dalam Pendidikan Matematik Dan Sains KBSM Dan Implikasinya Terhadap Kurikulum Pendidikan Guru. *Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Jawatan Kuasa Latihan Keguruan Antara Universiti. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Abu Zahari Bin Abu Bakar (1988). *Psikologi Pendidikan Untuk Guru*. Edisi Pertama, 1992. Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.
- Ahmad Faiz Hamid (1992). Keputusan UPSR 1992: Kelemahan Terkumpul Yang Berbahaya. *Utusan Malaysia*, 26 Oktober 1992.

- Ahmad Marzuki Ismail (2007). *Bagaimana Mengenal Diri?*. Karisma Publications Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Amina Noor (1994). *Merancang Masa Depan Cemerlang*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Istiramai Enterprise Sdn.Bhd.
- Aminuddin Ressang, Nasiruddin Darussamin, Mohamad Husny Hamid, Abdul Rashid Abdul Rahman & Muhamad Nuairi H.Wahyuddin (2001). *Teknik Bimbingan*. Unit Perkhidmatan Kaunseling Pembelajaran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Aminuddin Ressang (2001). *Ke Mana Haluan Saya Sekarang*. Unit Pengajaran dan Pembelajaran, Pejabat Kaunselor, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Asmawati Baharudin (1996). *Peranan Ibu Bapa*. Selangor: Makruf Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Had Salleh (1978). *Sustainability In Education. Report On The First Eastern Hemisphere, Seminar In Early Childhood Education*.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurilanmi Zakariya (2005). *Psikologi Kognitif*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal dan Muzaffar Zainal Abideen (2003). *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang Dalam Persekitaran Kampus*. Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti TeknologiMalaysia.
- Bakhtiar Mansur (1991). *Sikap Pelajar Terhadap Pendidikan Vokasional*. Jurnal Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chong Chee Kong (2003). *Hubungan Antara Sikap, Minat Dan Persepsi Dengan Prestasi Matematik Pelajar, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ConfucianKuala Lumpur*". Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Tesis Sarjana Muda.
- Evans. K.M. (1972). *Attitude And Interest In Education*. London: Routledge & Kegan Paul.